

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan membincarakan perbincangan, cadangan dan kesimpulan berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Bahagian ini amat penting kerana maklumat yang dibincangkan akan menyenaraikan cadangan-cadangan yang membina kepada semua pihak terutamanya pihak perpustakaan Universiti Malaya dalam membantu meningkatkan perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar sekaligus menyediakan prasarana yang lebih menyeluruh kepada mereka.

5.1 Dapatan persoalan kajian

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang diperolehi dari analisis data merujuk kepada persoalan kajian yang dikemukakan. Kesemua dapatan yang diperolehi ini dipaparkan mengikut bahagian-bahagian yang telah ditetapkan.

Merujuk kepada data yang diperolehi didapati, pelajar tahun 1 dan sarjana merupakan responden yang paling ramai terlibat di dalam penyelidikan ini di mana jumlah mereka mencatatkan 36.6% atau 37 orang. Ini diikuti pula dengan responden tahun 3 yang berjumlah 24 orang, 2 orang untuk tahun 2 dan seorang untuk tahun 4. Jumlah penglibatan yang tidak sama rata ini terjadi kerana pemilihan yang dilakukan adalah secara rawak dan tiada penetapan status dilakukan terhadap mereka.

Manakala dari segi perbezaan umur, ia menampakkan jurang yang amat luas kerana separuh daripada responden yang terlibat berumur di bawah 30 tahun yang

berjumlah 70 orang. Ini menunjukkan terdapat beberapa orang responden sarjana berumur di dalam lingkungan tersebut, kerana dalam kajian ini responden yang berumur di antara 31 hingga 40 tahun berjumlah 22 orang dan 9 orang berumur di antara 41 hingga 50 tahun. Manakala responden berumur 50 tahun dan ke atas tidak terlibat langsung di dalam kajian ini walaupun tahap umur mereka disediakan di dalam soal selidik. Kajian ini juga membuktikan pelajar perempuan paling ramai mendominasi kumpulan pelajar di universiti kerana jumlah mereka yang mengatasi pelajar lelaki.

Bagi penggunaan sumber elektronik pula, kebanyakan responden yang dikaji mendengar sumber elektronik buat pertama kalinya daripada media elektronik. Mereka ini terdiri daripada 15 orang responden tahun 1, 12 orang responden tahun 3 dan 21 orang responden sarjana. Daripada jumlah responden yang terlibat, hanya seorang responden sahaja yang mendengar sumber elektronik daripada pensyarah.

Seterusnya dapatan menunjukkan responden di Fakulti Pendidikan sering menggunakan sumber elektronik dari rumah, makmal komputer fakulti, perpustakaan, kedai siber dan pusat komputer di universiti. Penggunaan yang tiada had dan batasannya membuktikan pelajar di Fakulti Pendidikan berusaha bersungguh-sungguh bagi mendapatkan maklumat tidak kira di mana sahaja mereka berada asalkan maklumat yang diingini itu diperolehi dengan segera.

Berdasarkan kepada kajian itu juga, seramai 50.5% orang responden paling kerap menggunakan perkhidmatan internet. Walaupun sumber elektronik yang lain juga disediakan, ia tidak menampakkan penggunaan yang tinggi. Antara sumber elektronik yang turut digunakan ialah 23.2% penggunaan OPAC, 13.4% jurnal elektronik, 8.8% pangkalan data, 3.6% CD-ROM dan 0.5% buku elektronik. Daripada maklumat tersebut mendapati, responden di Fakulti Pendidikan kurang berminat untuk menggunakan

sumber selain internet ataupun dalam erti kata lain mereka kurang mahir dan kurang berpengalaman untuk menggunakan sumber elektronik yang disediakan.

Dapatkan yang diperolehi menunjukkan kebanyakan responden lebih selesa memilih menggunakan perkhidmatan internet ketika mencari maklumat kerana maklumat yang diperolehi adalah tepat dan benar-benar membantu mereka di dalam menyediakan maklumat. Selain itu, mereka turut mengatakan internet adalah mesra pengguna kerana antaramukanya yang mudah difahami walaupun mereka merupakan pengguna baru. Kenyataan ini berkemungkinan menunjukkan responden di Fakulti Pendidikan tidak pernah berusaha menggunakan sumber elektronik lain yang disediakan oleh perpustakaan kepada mereka.

Bagi penggunaan sumber elektronik pula, didapati kebanyakan responden menggunakan sumber elektronik bertujuan untuk menyiapkan tugas, menambah pengetahuan dan mendapatkan bahan untuk presentation. Hanya 7.7% orang sahaja yang mengatakan mereka menggunakan sumber elektronik bagi menyiapkan disertasi. Untuk tujuan itu, mereka telah meluangkan masa lebih kurang 1 hingga ke dua jam iaitu beberapa kali dalam seminggu bagi mendapatkan maklumat yang diingini.

Kekerapan yang diperolehi dari penggunaan sumber elektronik menunjukkan, seramai 45.5% orang responden lebih gemar menggunakan sumber elektronik beberapa kali seminggu iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat. Kekerapan ini terjadi apabila responden telah meluangkan masa yang ada terutamanya ketika tiada kuliah bagi menggunakan sumber elektronik di makmal komputer fakulti atau perpustakaan. Sementara, penggunaan lebih dari sekali sehari menjadi pilihan responden sarjana kerana bidang tugas yang menuntut mereka menggunakan sumber elektronik dengan lebih kerap lagi.

Selain itu pandangan responden terhadap maklumat yang terdapat di dalam sumber elektronik turut diperolehi. Rata-rata responden mengatakan sangat bersetuju dan berpuas hati sumber elektronik memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada pencarian maklumat mereka kerana ia menjimatkan masa, membantu dalam tugas, menjimatkan wang, memberi maklumat terkini dan berkualiti serta membantu mengakses kepada maklumat yang lebih luas. Pencarian maklumat mereka akan bermasalah sekiranya tidak menggunakan sumber elektronik yang terdapat di dalam perpustakaan.

Dapatkan kajian yang didapati dari pendedahan penggunaan komputer dan latihan sumber elektronik membuktikan bahawa seramai 75.2% orang pengguna yang terlibat merupakan pengguna di peringkat pertengahan dan hanya 11.9% orang sahaja yang merupakan pengguna baru. Kebanyakan mereka ini pula mempelajari sumber elektronik daripada kawan-kawan, mencuba dan silap, belajar sendiri atau pun mendapatkannya melalui kursus yang ditawarkan di universiti. Mereka mengatakan latihan yang diterima adalah secara sederhana sahaja.

Akhir sekali, dapatan menunjukkan masalah utama yang dihadapi oleh responden ketika menggunakan sumber elektronik ialah masa pencarian yang lama dan tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh. Selain itu, masalah susah atau lambat dihubungkan dengan maklumat diingini, server down dan masalah bahasa juga, turut menjadi penyebab kepada masalah penggunaan sumber elektronik. Oleh itu, bagi memastikan masalah tersebut dapat diselesaikan, kebanyakan responden mengambil langkah dengan meminta bantuan kawan-kawan atau mencuba sendiri sehingga masalah tersebut dapat diselesaikan.

5.2 Cadangan

Daripada kajian yang dilakukan didapati kesemua responden menggunakan sumber elektronik dalam kehidupan seharian. Ini terbukti daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada mereka. Bagi memastikan penggunaan sumber elektronik yang berterusan, beberapa pendekatan perlu di ambil. Antaranya ialah :

5.2.1 Mewajibkan pelajar mengikuti kelas kemahiran maklumat

Memang tidak dapat dinafikan bahawa perpustakaan Universiti Malaya menyediakan kelas kemahiran maklumat kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke sana. Kelas kemahiran ini pula telah diwajibkan kepada semua pelajar untuk mengambilnya kecuali pelajar ijazah lanjutan yang diberi pilihan untuk mengikutinya atau pun tidak.

Namun begitu, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan hanya 29.2% responden ijazah dasar dan 5.1% responden ijazah lanjutan sahaja yang pernah mengikuti kelas tersebut sebaliknya seramai 65.7% responden tidak pernah berbuat demikian. Maklumat yang diperolehi ini membuktikan bahawa, walaupun kelas kemahiran maklumat telah diwajibkan kepada semua pelajar, masih kedapatan pelajar yang mengatakan tidak pernah mengikutinya. Dalam erti kata yang lain, pelajar berkenaan tidak memahami langsung makna sumber elektronik dan pengisian yang terkandung di dalamnya.

Selain itu, data yang diperolehi juga menunjukkan seramai 31.3% responden sarjana tidak pernah mengikuti kelas kemahiran maklumat yang disediakan kepada mereka. Bagi memastikan kesemua pelajar di Universiti Malaya celik kepada penggunaan sumber elektronik, wajarlah diwajibkan kepada semua pelajar terutamanya

pelajar ijazah lanjutan mengikuti kelas kemahiran yang sememangnya terdapat di perpustakaan Universiti Malaya.

5.2.2 Memantau pengetahuan pelajar

Satu usaha yang berterusan harus dilakukan sekiranya ingin melihat pelajar-pelajar di universiti menguasai sumber elektronik. Antara pendekatan yang boleh digunakan ialah dengan memantau pengetahuan pelajar mengenai sumber elektronik. Ia perlu dilaksanakan kerana tidak semua pelajar yang mengikuti kelas kemahiran maklumat menguasai ilmu yang diberikan serta mengaplikasikan apa yang dipelajarinya.

Oleh itu, pihak perpustakaan dikehendaki menyediakan beberapa alternatif agar ilmu yang diperolehi oleh pelajar ketika mengikuti kelas kemahiran maklumat digunakan secara berterusan. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah dengan menyediakan soal selidik terhadap keberkesanan ilmu yang diperolehi dan sekiranya masih terdapat kelemahan di kalangan pelajar, kelas tambahan kemahiran maklumat perlu disediakan. Dengan cara ini, pelajar yang ketinggalan dapat menguasai kembali kemahiran maklumat yang diberikan kepada mereka.

5.2.3 Menggalakkan pelajar menggunakan pelbagai sumber elektronik

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan kebanyakan pelajar lebih selesa menggunakan perkhidmatan internet berbanding sumber elektronik yang lain. Ini terbukti apabila 101 orang responden yang terlibat, seramai 98 orang responden telah memilih untuk menggunakan internet. Sementara itu, sumber elektronik yang lain pula tidak mencapai kepada separuh penggunaan.

Walaupun penggunaan internet menunjukkan jumlah yang memberangsangkan, dari satu segi ia menampakkan kekurangan atau kelemahan kepada penggunaan sumber elektronik yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Bagi memastikan penggunaan yang tidak sama rata ini, pihak yang terlibat harus melihat sebab dan akibat mengapa keadaan ini berlaku.

Untuk tujuan itu, perlu diadakan satu tindakan yang sesuai untuk menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan pelbagai sumber elektronik dengan menerangkan faedah ke atas maklumat yang diperolehi sekiranya menggunakan sumber elektronik yang pelbagai. Secara tidak langsung, ia akan menarik minat pelajar untuk meneroka sumber elektronik lain yang disediakan.

5.2.4 Menyediakan latihan yang secukupnya

Kebanyakan responden yang dikaji mengatakan latihan yang diterima ketika menggunakan sumber elektronik adalah secara sederhana. Ini bermakna penguasaan terhadap sumber elektronik tidak berada pada tahap yang memuaskan. Penguasaan yang agak rendah ini juga, jika tidak dibendung dengan segera akan menjadi bertambah serius pada masa hadapan.

Pelbagai alternatif boleh dilakukan oleh pihak perpustakaan bagi mengatasi masalah ini. Salah satunya ialah dengan mempertingkatkan latihan dan pembelajaran dengan menyediakan modul yang lebih berkesan. Maklumat yang diperolehi menunjukkan, sebilangan pelajar mempelajari menggunakan sumber elektronik melalui kawan-kawan, belajar sendiri ataupun meminta bantuan daripada pensyarah. Keadaan ini jika diperhalusi menunjukkan latihan yang diberi tidak mencapai kepada matlamatnya.

5.2.5 Mengatasi masalah yang sering dialami oleh pelajar

Berdasarkan kepada kajian, rata-rata responen menyampaikan perasaan tidak puas hati terhadap masalah yang dialami ketika menggunakan sumber elektronik. Antara masalah yang disenaraikan ialah masa pencarian yang lama, masalah teknikal, susah/lambat dihubungkan dengan maklumat yang diingini, *server down* dan sebagainya.

Bagi memastikan perkara-perkara sebegini tidak berulang lagi, pihak perpustakaan boleh meyakinkan pihak organisasi induk mengenai masalah tersebut dan mencari jalan penyelesaian agar perjalanan penggunaan sumber elektronik dapat diakses dengan lebih mudah lagi pada masa hadapan.

5.2.6 Memperbanyakkan program kemahiran sumber elektronik

Dalam mempertingkatkan kesedaran maklumat di kalangan pelajar, satu usaha harus dilakukan bagi memperbanyakkan program kemahiran sumber elektronik. Contohnya ialah dengan mengadakan bengkel atau kursus menggunakan pangkalan data atau sumber elektronik yang lain, mengadakan seminar kemahiran maklumat dan sebagainya. Berdasarkan hasil kajian, secara puratanya para pelajar kurang pendedahan terhadap penggunaan jurnal elektronik, pangkalan data elektronik, CD-ROM elektronik dan buku elektronik. Oleh itu, dengan adanya program-program tersebut, diharapkan dapat membantu pelajar menguasai sumber elektronik secara keseluruhannya.

5.3 Kajian lanjutan

Sebagai satu kajian yang terhad, dapatkan kajian yang telah diperolehi berkemungkinan tidak dapat mencerminkan penggunaan sumber elektronik yang sebenar

di kalangan pelajar di fakulti-fakulti yang lain. Penggunaannya juga pasti berbeza dengan sumber elektronik yang terdapat di universiti yang lain.

Oleh itu, untuk melihat beberapa kelainan terhadap kajian yang akan dijalankan, pengkaji mengharapkan penyelidik-penyalidik yang berminat untuk mengkaji tentang penggunaan sumber elektronik pada masa hadapan dapat mengkaji dan meneliti penggunaan sumber elektronik di setiap fakulti dan membandingkan penggunaannya di kalangan pelajar-pelajar. Oleh itu, barulah boleh dikenal pasti sumber elektronik mana yang paling tepat membantu pelajar ketika mencapai maklumat dan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Selain itu, pengkaji juga mengharapkan penyelidik-penyalidik yang berminat akan menjalankan penyelidikan ke atas penggunaan sumber elektronik di antara universiti-universiti yang terdapat di Malaysia. Hasil kajian ini nanti diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak tertentu mengenai arah tuju sumber elektronik di universiti pada masa hadapan..

5.4 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan didapati, penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan adalah bersifat positif. Walaupun kebanyakan daripada mereka lebih gemar menggunakan perkhidmatan internet, sekurang-kurangnya ada di antara mereka yang tidak ketinggalan menggunakan sumber elektronik yang lain. Namun begitu, jumlah yang tertera tidak begitu memberangsangkan kerana penggunaannya yang tidak mencapai kepada separuh daripada pengguna yang terlibat.

Bagi mengatasi masalah tersebut, beberapa alternatif perlu dilakukan agar penggunaan yang tidak sama rata ini dapat dibendung dengan segera. Pemantauan yang berterusan daripada pihak tertentu diharapkan dapat meningkatkan kembali penggunaan sumber elektronik yang pelbagai di kalangan pelajar. Selain itu bagi pihak pelajar pula, mereka harus bertindak memastikan diri mereka menguasai sumber elektronik yang disediakan. Dengan adanya usaha, kerjasama, inisiatif dan komitmen daripada pelajar, sudah pasti masalah ‘kurang arif’ ke atas sumber elektronik akan dapat diatasi juga akhirnya.